

<b>Headline</b>	<b>Elektrik dijamin stabil semasa PRU-14</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>09 May 2018</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>171,663</b>	<b>Readership</b>	<b>563,000</b>
<b>Section</b>	<b>Dlm Negeri</b>	<b>Page No</b>	<b>20</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>157 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 9,309</b>		



## Elektrik dijamin stabil semasa PRU-14

**PUTRAJAYA 8 Mei** - Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah melaksanakan persiapan rapi bagi memastikan proses Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) berjalan lancar tanpa insiden gangguan bekalan elektrik.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili berkata, Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan tiada insiden gangguan elektrik yang boleh menjelaskan kelancaran perjalanan pilihan raya bermula sejak hari penamaan calon pada 28 April lalu sehingga esok.

"Malah, TNB telah memberi jaminan bahawa mereka akan bekerja sepanjang masa untuk memastikan kestabilan bekalan

elektrik sepanjang tempoh pilihan raya ini.

"Kakitangan teknikal TNB juga telah bersedia untuk memastikan bekalan elektrik yang berterusan semasa pilihan raya umum dan bilik gerakan khas untuk PRU-14 telah diaktifkan di setiap negeri," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya, sebagai sebahagian daripada pelan sokongan, TNB telah menyediakan 189 set penjana mudah alih dengan kos



**MAXIMUS JOHNITY ONGKILI**

berjumlah RM6.1 juta yang telah ditempatkan di semua pusat penamaan calon, pengundian dan pengiraan undi.

Beliau berkata, itu merupakan prosedur operasi standard (SOP) yang disediakan untuk mengawal insiden-insiden tidak diingini.

"Pengguna dinasihatkan untuk menghubungi pusat sehenti TNB menerusi Facebook, TNB Care-Line atau dengan menghubungi 15454 untuk sebarang aduan dan maklum balas," katanya.